

13 OCT 1999

Ling-Mapen

LING AKAN PUJUK 11 PERSATUAN CINA SERTAI MAPEN II

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata beliau akan memujuk 11 persatuan Cina yang enggan menyertai Majlis Perundingan Ekonomi Negara II (Mapen II) agar menimbang semula keputusan mereka.

"Saya telah memberitahu mesyuarat kabinet hari ini bahawa saya secara peribadi akan merayu kesemua 11 persatuan Cina yang enggan menyertai Mapen II agar menimbang semula keputusan mereka," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Beliau berkata sungguhpun terdapat wakil masyarakat Cina menerusi parti politik dan dewan perniagaan dalam Mapen II, namun penyertaan persatuan berkenaan penting dalam penggubalan dasar-dasar kerajaan yang bersangkutan kepentingan segenap lapisan masyarakat.

Katanya menerusi penyertaan persatuan itu, kerajaan dapat membuat keputusan serta dasar yang lebih mantap terutama mengenai isu yang bersangkutan kepentingan kaum Cina di negara ini.

Persatuan terbabit ialah Gabungan Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina (Dong Zong), Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jioa Zong), Gabungan Persatuan Alumni Sekolah Cina Malaysia, Persatuan Alumni Universiti Nanyang Malaysia, Persatuan Alumni Siswazah Taiwan Malaysia.

Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Persekutuan Persatuan Guandong Malaysia, Persekutuan Persatuan Guangxi Malaysia, Persekutuan Persatuan Sanjiang Malaysia, Persekutuan Persatuan Fuzhou Malaysia dan Pusat Penyelidikan Huazi.

Sebelas persatuan Cina terbabit baru-baru ini mengemukakan senarai 17 perkara kepada kerajaan yang dilaporkan sebagai tuntutan mereka terhadap kerajaan sekiranya ingin memperolehi sokongan mereka.

Mapen II, yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Ogos lepas, kini mempunyai 155 anggota yang mewakili segenap lapisan masyarakat termasuk dari parti politik, dewan perniagaan, badan bukan kerajaan, mahasiswa, kaum minoriti dan orang perseorangan.

Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata mesyuarat Kabinet turut membincangkan mengenai proses penyatuan bank-bank serta institusi kewangan menjadi enam bank utama di negara ini dengan menekankan soal kebajikan pekerja.

Beliau berkata kabinet sebulat suara membuat ketetapan bahawa proses percantuman itu nanti hendaklah mengutamakan soal kepentingan pekerja.

Katanya kabinet mahu agar pekerja mendapat faedah daripada proses percantuman itu nanti sepertimana proses penswastaan beberapa entiti kerajaan yang menyaksikan pekerja mendapat ganjaran yang lebih baik.

Bagaimanapun, sekiranya berlaku pertindihan dalam bidang tugas dan pembuangan tidak dapat dielakkan, kerajaan akan memastikan pekerja terbabit mendapat ganjaran yang memuaskan dan setimpal, kata beliau.

-- BERNAMA

AKT AKD